

07/02/1997

Dr M, TPM adakan rumah terbuka

KUALA LUMPUR, Khamis - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan beberapa menteri Kabinet lain akan mengadakan rumah terbuka sempena Aidilfitri dan Tahun Baru Cina ini.

Dr Mahathir akan mengadakan rumah terbuka pada hari raya pertama di kediamannya, Sri Perdana, dari jam 10 pagi hingga 12.30 tengah hari dan dari 3 petang hingga 6 petang.

Anwar mengadakan rumah terbukanya pada hari raya pertama di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra dari jam 2 petang hingga 6 petang dan pada Hari Raya ketiga di No. 1549, Kampung Cherok To'Kun, Bukit Mertajam, Pulau Pinang dari 10 pagi hingga 6 petang.

Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi pula mengadakan rumah terbuka pada 16 Februari di Rumah Puspanita, Jalan Hose; Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail juga pada 16 Februari di Dewan Serbaguna Selayang, manakala Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat pada 11 Februari di Kampung Pasir, Tampoi, Johor Baharu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abu Hassan Omar, mengadakan rumah terbuka pada hari raya kedua di No. 30, Jalan Satu, Taman Tun Abdul Razak, Ampang Jaya dan pada 22 Februari di Bangunan Umno Bahagian, Km 1, Jalan Klang, Kuala Selangor.

Parti MCA pula mengadakan rumah terbuka sempena Tahun Baru Cina di Wisma MCA, Jalan Ampang esok dan beberapa Menteri Kabinet yang menyambut perayaan itu seperti Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng dan Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek akan turut hadir.

(END)